

# **PERPECAHAN KESATUAN SOVIET: TINJAUAN TENTANG PUNCA KERUNTUHAN**

---

**W. Shawaluddin W. Hassan  
Ramlie Dollah**

## **Pengenalan**

Kebangkitan dan keruntuhan sesebuah empayar atau kuasa merupakan satu fenomena yang telah lama dikaji. Oleh itu, keruntuhan Kesatuan Soviet atau *Soviet Union* (selepas ini disebut Soviet) sebagai sebuah kuasa pada tahun 1991 merupakan satu fenomena biasa. Cuma apa yang luar biasa ialah tiada seorang sarjana yang menjangkakan dengan tepat bila ia akan berlaku. Dalam hal ini, apa yang cukup menarik ialah apabila Paul Kennedy menghasilkan karyanya bertajuk *The Rise and Fall of the Great Powers Economic Change and Military Conflict from 1500 to 2000* dan cuba mengemukakan beberapa sebab keruntuhan beberapa empayar sejak 1500.<sup>1</sup>

Dalam karyanya ini Kennedy cuba melihat jatuh bangun empayar meliputi tempoh selama lima ratus tahun. Keadaan ini bagi Kennedy dikaitkan dengan sikap empayar-empayar ini yang banyak terlibat dalam perang hanya kerana ingin memastikan kelangsungan empayar. Perkara yang menarik dalam tinjauan tersebut ialah Kennedy turut memberi tumpuan kepada Soviet sejak kemunculannya (regim sosialis) pada tahun 1917 hingga 1980-an. Tinjauan ini menumpukan kepada aktiviti yang telah dilakukan oleh Soviet sebagai sebuah negara baru sehingga kemuncak persaingannya

dengan Amerika pada tahun 1980-an. Kennedy menjangkakan seperti kuasa-kuasa yang lain, Soviet juga akan turut runtuh sebagai kuasa berdasarkan perbelanjaan Moscow yang keterlaluan terhadap ketenteraan dan sebaliknya mengabaikan sektor ekonomi yang lain. Begitupun dalam *The Rise and Fall*, Kennedy tidak menjangkakan dengan tepat bila keruntuhan itu akan berlaku.

Oleh itu, artikel ini cuba menjelaskan punca keruntuhan Soviet pada 1991. Perbincangan akan ditumpukan kepada beberapa bahagian. Pertama, melihat takrif adikuasa atau kuasa besar; kedua, membincangkan sedikit latar belakang Soviet serta pengalaman Soviet sejak tamatnya Perang Dunia Kedua sehingga di akhir Perang Dingin iaitu meliputi dari tahun 1945 hingga 1991. Tahun 1945 dipilih kerana Soviet muncul dari perang sebagai pemenang dan mula muncul sebagai negara adikuasa. Begitupun ini tidak bermakna tumpuan langsung tidak diberikan kepada perkembangan sebelum 1945, kerana perkembangan yang berlaku dari 1917 hingga 1945 juga penting dalam proses pembentukan bangsa Soviet. Manakala tahun 1991 dipilih memandangkan pada tahun tersebut Soviet mula berpecah sebagai sebuah kesatuan.

Dua isu yang akan diberi tumpuan semasa era Perang Dingin iaitu perlumbaan senjata (nuklear) Soviet-Amerika Syarikat dan penglibatan Soviet di negara-negara Dunia Ketiga. Isu-isu yang dibincangkan ini akan menampakkan bagaimana Soviet banyak menghabiskan sumber semata-mata untuk memastikan *status quo* sebagai negara adikuasa *vis-à-vis* Amerika Syarikat. Ketiga, tumpuan diberikan untuk membincangkan keadaan ekonomi Soviet akibat dari penglibatannya di seluruh dunia yang meninggalkan impak yang besar kepada keruntuhan ekonomi yang juga memberi kesan semerta ke atas kekuasaan Soviet sebagai negara adikuasa. Faktor etnik di republik-republik serta Gorbachev yang mempercepatkan keruntuhan akan turut diberikan tumpuan. Artikel ini menyimpulkan bahawa usaha Soviet untuk mengukuhkan kedudukan sebagai sebuah kuasa dalam persaingan dengan Amerika Syarikat bukan saja memerlukan kekayaan negara tetapi juga tidak memberi manfaat kepada ekonomi negara dan ini memberi kesan kepada keruntuhannya.

### Takrif Adikuasa

Negara adikuasa atau kuasa besar bukanlah merupakan satu konsep baru dalam politik antarabangsa. Ia telahpun muncul dalam minda masyarakat negara-kota Greek beribu-ribu tahun yang lalu. Ketika itu, dua kuasa muncul di antara negara-kota tersebut

iaitu Sparta dan Athens sebagaimana yang dijelaskan oleh Thucydides dalam Sejarah Perang Peloponesia. Kedua-dua saling mempengaruhi negara kota-negara kota lain agar menyokong mereka. Usaha mencari pengaruh ini yang membawa kepada berlaku perperangan di antara Athens dan Sparta.<sup>2</sup> Dalam konteks dunia moden, dua buah negara adikuasa yang pernah muncul pada abad lalu ialah Soviet dan Amerika Syarikat. Sebelum Perang Dunia Kedua, Britain merupakan kuasa yang cukup unggul dengan menguasai sebahagian besar koloni di Afrika dan Asia. Begitupun Perang Dunia Kedua 'mengeringkan kantung' Britain sehingga terpaksa bergantung kepada Amerika Syarikat semasa dan selepas perang tamat. Akhirnya Britain muncul sebagai sebuah kuasa yang muflis. Persoalannya apakah kriteria bagi melayakkan sebuah negara itu digelar sebagai negara adikuasa?

Menurut Evans dan Newnham, kriteria kuasa terbesar atau negara adikuasa ialah memiliki kekayaan ekonomi dan mempunyai kekuatan senjata nuklear.<sup>3</sup> Manakala Henderson menyenaraikan faktor fizikal dari segi keluasan geografi, faktor kekayaan ekonomi dan faktor politik sesebuah negara terutama dari segi kepemimpinan yang melayakkan sesebuah negara itu digelar negara adikuasa.<sup>4</sup> Minix dan Hawley melihat negara adikuasa dari sudut sumber kuasa iaitu sumber asli yang melibatkan geografi, sumber asli dan penduduk, sumber psikologi sosial iaitu kestabilan dan kepemimpinan dan akhir sekali sumber sintetik iaitu melibatkan keupayaan industri dan militer yang dibangunkan dari sumber yang dimiliki oleh negara tadi.<sup>5</sup> Mahan pula cuba melihat pembentukan kuasa besar ini ditentukan oleh faktor penguasaan lautan.<sup>6</sup>

Ringkasnya negara adikuasa merujuk kepada negara yang dari segi geografinya luas, mempunyai kekayaan dari segi ekonomi serta berupaya dari segi politik untuk mempengaruhi suasana politik secara global, kuat dari segi ketenteraan serta mempunyai keupayaan senjata nuklear. Ciri-ciri ini membolehkan sesebuah kuasa itu untuk memainkan peranan dalam sistem antarabangsa misalnya melalui pembentukan perikatan yang boleh memberi keuntungan kepadanya. Semasa Perang Dingin, menyaksikan pertentangan dua kem yang diketuai oleh Soviet (komunis) dan Amerika Syarikat (kapitalis).<sup>7</sup> Kedua-dua buah kuasa mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi negara lain dalam interaksi sistem antarabangsa. Lebih dari itu kedua-dua kuasa juga berkeupayaan untuk campurtangan di luar sempadan masing-masing (biar dari segi ekonomi atau politik) melalui campurtangan tentera mahupun melalui ekonomi. Meskipun begitu, campurtangan tentera mahupun melalui ekonomi. Meskipun begitu, sesebuah negara adikuasa mesti mempunyai kekayaan dari segi ekonomi kerana dengan kekayaan ini dapat membiayai segala aktiviti dengan negara luar. Kekayaan yang dimiliki oleh Soviet dan Amerika

membolehkan mereka untuk memprojeksi kekuasaan mereka di luar sempadan masing-masing.

### Latar Belakang Kesatuan Soviet

Soviet Union<sup>8</sup> merupakan sebuah negara yang luas terbentang dari Eropah di barat ke Asia di timur dengan kawasan seluas 13,835,200 km persegi. Kesatuan Soviet terdiri dari lima belas buah republik iaitu Rusia, Azerbaijan, Georgia, Armenia, Kazakhstan, Lithuania, Estonia, Latvia, Belarus, Kirghizstan, Moldova, Ukraine, Tajikstan, Turkmenistan dan Uzbekistan. Soviet mempunyai penduduk lebih 250 juta pada tahun 1970 yang terdiri dari pelbagai etnik. Soviet juga merupakan sebuah negara yang kaya dengan bahan semulajadi seperti minyak, gas, emas, arang batu dan uranium. Soviet dikatakan mempunyai simpanan dunia yang besar, bagi bahan seperti arang batu (58 peratus), minyak (58.7 peratus), bijih besi (41 peratus), kawasan balak (25 peratus) dan manganese (85 peratus). Ringkasnya, Soviet sememangnya menepati kriteria negara adikuasa iaitu dari keluasan dan kekayaan yang dimiliki.

Sebelum runtuhnya Kerajaan dinasti Romanov (1613-1917), Rusia merupakan antara kuasa di Eropah yang bersaing dengan Empayar Othmaniah, Austro-Hungari dan Britain. Meskipun merupakan sebuah kuasa besar di Eropah, Rusia masih mundur dari segi politik, sosial dan ekonomi berbanding dengan kebanyakan negara-negara Eropah lain.<sup>9</sup> Kejayaan Revolusi Bolshevik pada November 1917 membolehkan sebuah negara komunis pertama di dunia tertubuh. Marxisme merupakan jawapan kepada kemunduran yang dihadapi selama ini dengan pemodenan yang dibawa pasti merubah wajah Soviet.

Menyedari kelemahan yang dihadapi negara baru ini, Lenin, pemimpin Bolshevik mempunyai tanggungjawab besar menjayakan revolusi. Kegagalan revolusi akan melenyapkan terus negara sosialis pertama di dunia ini yang di kelilingi oleh negara-negara kapitalis. Namun usaha ini terencat dengan tercetusnya Perang Saudara di antara Tentera Merah (Komunis) dan Tentera Putih (golongan pro monarki) dari tahun 1918-1921. Perang saudara ini turut menyaksikan campurtangan kuasa asing yang turut membantu Rusia Putih (golongan yang cuba mengembalikan dinasti Romanov) dan ini mengukuhkan lagi tanggapan pihak Soviet tentang ancaman kapitalis terhadap sosialis. Malah kesempatan ini digunakan oleh Bolshevik yang berjaya menggambarkan general-general Rusia Putih sebagai

alat Imperialisme Barat dan sebaliknya mereka yang merupakan golongan yang mempertahankan ibu pertiwi.<sup>10</sup>

Kematian Lenin pada 1924 menyaksikan Stalin menggantikan kepimpinan Soviet. Mewarisi negara yang masih kucar-kacir, Stalin terpaksa berhadapan dengan cabaran daripada beberapa tokoh lain seperti Trotsky, Kemenev dan Zinoniev yang dianggap tokoh Bolshevik yang penting dan kemudian telah berjaya mengenepikan cabaran tersebut. Stalin pada lewat 1920-an cukup risau dengan situasi ekonomi dan militer ketika itu. Bagi Stalin, kelemahan Soviet mempunyai kesan politik yang mendalam. Kuasa merupakan kunci kepada masa silam dan masa depan Soviet. Sejarah panjang negara Rusia di tangan kuasa asing baginya disebabkan oleh kelemahan Soviet.<sup>11</sup> Bagi mengakhiri kelemahan dan kemunduran serta menyediakan Soviet dengan tenaga bagi melindungi asas kepentingan keselamatan, Stalin membuat keputusan mengadakan program industri yang drastik.<sup>12</sup>

Stalin memperkenalkan dasar ekonomi dengan Rancangan Lima Tahun Pertama (1928-1932) yang dianggap cukup berjaya. Hal ini kerana rancangan tersebut telah meninggalkan impak yang mendalam kepada ekonomi dengan membolehkan industri berat berkembang. Industrialisasi dilancarkan dengan slogan 'kejar dan pintas' kuasa-kuasa kapitalis yang maju dari segi ekonomi dan teknologi.<sup>13</sup> Industri berat mewujudkan pertumbuhan dalam pengeluaran mesin, alat mesin, turbin dan traktor. Kawasan perindustrian juga telah diperluaskan ke beberapa wilayah Soviet lain seperti Ukraine, Volga, Ural, Kuzbass, Kazakhstan dan Asia Tengah. Proses pengukuhkan ekonomi yang telah dibuat oleh Stalin ini sangat penting dalam memastikan kelangsungan Soviet. Hasil dari usaha-usaha Stalin meninggalkan dua impak yang besar kepada Soviet. Pertama, dalam masa yang singkat Soviet telah berjaya mengembangkan dan memodenkan bidang industri. Walaupun masih ketinggalan dibandingkan dengan negara-negara Barat, namun kejayaan ini menunjukkan Soviet berkemampuan dan berkeupayaan memodenkan sektor perindustrian. Kedua, perindustrian membolehkan peningkatan dari segi taraf hidup terutama pada tahun-tahun 1950-an dan 1960-an apabila rakyat Soviet menduduki tempat kedua selepas Amerika.

Namun titik hitam dalam sejarah Soviet berlaku apabila Stalin menjalankan tindakan penyingkir (pembunuhan, penjara dan pembuangan penduduk) dari 1921-1953 yang melibatkan ramai rakyat Soviet. Selain dari rakyat, mangsa juga terdiri dari anggota parti dan tentera yang dianggap mengancam Stalin termasuk antara lain, Kamenev, Zinoniev, Bukharin, Rykov dan Marshal Tukachevsky.

Kemuncak penyingkiran ini ialah dengan kematian Trotsky iaitu musuh Stalin di tangan agen Soviet di Mexico pada tahun 1940.

### Ideologi Dan Dasar Luar

Sebagai sebuah negara sosialis, Soviet menganuti fahaman Marxis. Oleh itu ideologi Marxis cukup dominan dan merupakan perkara paling asas dalam dasar awamnya sama ada domestik atau dasar luar.<sup>14</sup> Begitupun menurut Smith, teori Marxis tidak mencukupi atau memadai bagi penteori arus perdana untuk menerangkan kedudukan negara sosialis dalam hubungan antarabangsa.<sup>15</sup> Hal ini kerana Marx mahupun Engels tidak mempertimbangkan hubungan antara-negara sebagai asas fokus analisis sebaliknya mereka lebih menumpukan pada ciri yang membezakan masyarakat manusia iaitu keupayaan bagi kerjasama buruh serta menjadikan buruh dan pengeluaran sebagai kunci analisis dalam kajian hubungan sosial. Kemuncak kepada hubungan antara buruh di dunia ini ialah apabila munculnya masyarakat universal yang tidak berkelas.<sup>16</sup>

Meskipun begitu, Lenin telah menghasilkan sebuah makalah bertajuk *Imperialism: the Highest Stage of Capitalism* pada tahun 1916. Idea utama makalah ini ialah kapitalisme pada peringkat kemuncak menjadi monopoli, membolehkan bank dan institusi kewangan memperolehi modal yang besar yang berlebihan. Bagi memastikan pulangan besar diperolehi balik, modal ini dieksport ke negara-negara mundur yang kekurangan modal, tetapi mempunyai bahan serta buruh yang murah. Ini seterusnya menyebabkan kuasa besar membahagikan dunia kepada koloni dengan kawalan penuh dan akhirnya perluasan kuasa imperialis ini akan menemukan mereka dalam konflik yang mencetuskan perang.<sup>17</sup> Walaupun usaha Lenin antara usaha terawal yang cuba menghubungkan doktrin Marxis dengan teori hubungan antarabangsa, tetapi teori ini merupakan satu teori yang tidak lengkap kerana ia cuma menerangkan perlakuan satu jenis negara kapitalis yang maju. Tambah mereka lagi, 'Teori ini tidak mempertimbangkan masalah hubungan di antara satu atau lebih negara-negara komunis dan negara-negara kapitalis mahupun ia menyentuh tentang keadaan hubungan antara-negara dalam dunia negara-negara sosialis.'<sup>18</sup>

Pembentukan sebuah negara sosialis pertama di dunia pada tahun 1917 menyebabkan munculnya persoalan seperti sama ada perang dengan negara kapitalis tidak dapat dielakkan. Dalam konteks ini perang yang dimaksudkan oleh Lenin bukan yang melibatkan antara negara kapitalis dengan negara sosialis tapi sesama negara

kapitalis. Di samping itu teori 'perang tidak dapat dielakkan' juga boleh dilihat dari sudut bukan teori imperialisme. Ada dua persoalan yang dikemukakan. Pertama, adakah perang tidak dapat dielakkan di antara Soviet dengan satu atau lebih negara kapitalis. Kedua, jika perang meletus siapa yang akan memulakan?<sup>19</sup>

Apa yang menarik ialah Stalin tidak pernah mengabaikan teori 'perang tidak dapat dielakkan' ini malah mengukuhkan lagi dengan teori 'dua kem' dan teori 'dikelilingi kapitalis'. Persoalan ini menurut Booth dapat difahami memandangkan Soviet masih lagi sebuah negara baru dan lemah yang dikelilingi oleh negara kapitalis dan ini sudah tentu menimbulkan kebimbangan di kalangan pimpinan tertinggi terutama tentang kelangsungannya.<sup>20</sup> Menyedari kelemahan ini Soviet terpaksa bergerak dengan berhati-hati di dalam diplomasi dunia antarabangsa agar dapat mengelakkan pergeseran dengan kuasa kapitalis.<sup>21</sup> Selari dengan ini juga satu lagi teori yang cukup penting bagi Soviet ialah pewujudan bersama atau *peaceful coexistence*. Pewujudan bersama cukup ketara amat ditekankan dalam dasar luar Khrushchev. Menyedari bahaya perang nuklear dengan Amerika, Khrushchev perlu membentuk asas bagi kewujudan hubungan jangka panjang di antara komunis dan kapitalis yang tidak akan membawa kepada perang. Namun ini tidak bererti persediaan perang telah dihentikan atau persaingan politik, ekonomi dan ideologi di antara sosialis dan kapitalis telah tamat. Hal ini kerana bagi Khrushchev transisi ke arah sosialis diperluaskan melalui pewujudan bersama dengan dunia kapitalis.<sup>22</sup> Ternyata teori-teori yang telah dibincangkan ini telah digunakan oleh pemimpin-pemimpin Soviet dalam hubungan dengan negara-negara luar terutama negara kapitalis. Teori-teori ini kemudian menjadi dasar yang diikuti dari sejak awal kemunculan Soviet sehingga ia muncul sebagai sebuah kuasa selepas Perang Dunia Kedua.

Selain itu, dasar luar Soviet juga dikomplimen oleh kuasa militer dalam interaksi dengan negara luar. Dalam hal ini Holloway menegaskan beberapa fungsi kuasa militer dalam dasar luar Rusia.<sup>23</sup> Pertama, untuk menghalang berlakunya perang dunia dengan mencegah serangan nuklear dengan cara ancaman membala jika diserang; kedua, untuk mempertahankan masyarakat sosialis dan ketiga membantu pergerakan pembebasan kebangsaan dan negara baru merdeka.

Persoalannya benarkah ideologi merupakan sesuatu yang cukup penting dalam pembentukan dasar luar Soviet? Kennan menekankan kepentingan ideologi yang diwarisi oleh pemimpin-pemimpin Soviet dalam setiap dasar yang dijalankan.<sup>24</sup> Sebaliknya

Lieber mempersoalkan sama ada Soviet benar-benar terikat dengan ideologi dalam penggubalan dasar luarnya.<sup>25</sup> Tambah Lieber lagi, ideologi cuma dilihat sebagai satu helah bagi mencapai kepentingan nasional yang boleh diterjemahkan dalam bentuk kuasa.<sup>26</sup> Hubungan Jerman dengan Soviet merupakan contoh yang amat ketara. Hubungan dengan Jerman sebelum perang mengorbankan Parti Komunis Jerman yang menentang hubungan yang terjalin ini. Lebih ketara lagi apabila Stalin mengadakan Pakatan Nazi-Soviet yang dianggap oleh Lieber sebagai bertolak dari persoalan kepentingan nasional dan bukan ideologi. Ringkasnya ideologi cuma sebagai satu panduan yang digunakan oleh Soviet dalam dasar luar. Ideologi akan dikesampingkan jika kepentingan nasional Soviet terjejas.

### **Impak Perang Dunia Kedua Ke Atas Soviet**

Perang Dunia Kedua menyaksikan Soviet terpaksa berhadapan dua medan iaitu di Eropah dan satu lagi di Asia. Hal ini sudah tentu memberi kesan yang mendalam kepada Soviet. Begitupun sewaktu perang lagi, ketika pihak tentera Berikat terbabit dalam perundingan menentukan arah selepas tamatnya perang, mereka turut melibatkan Soviet dalam Persidangan Teheran (1943), Pertemuan Churchill-Stalin (1944), Persidangan Yalta (Februari 1945) dan Persidangan Potsdam (Julai 1945) yang membuktikan pengiktirafan yang telah diberikan oleh negara-negara kapitalis kepada Soviet.

Selepas Perang Dunia Kedua tamat, Kennedy menegaskan bahawa Soviet mengalami kemusnahan yang teruk. Menurut beliau,

"Dalam perang ini mereka kehilangan 7.5 juta tentera, 6-8 juta orang awam dibunuh oleh Nazi Jerman dan dianggarkan 20-25 juta lagi mati oleh kebuluran, di antara 1941-1945. Di samping itu 11.6 juta kuda dan 20-23 juta babi musnah. Ini diburukkan lagi dengan kemusnahan 137,000 traktor dan 49,000 jentera gandum. Ini sudah tentu meninggalkan kesan yang bukan kecil kepada pertanian dan pengeluaran makanan di Soviet. Kemusnahan juga agak ketara terhadap rangkaian pengangkutan. Sepanjang 65,000 km jalan keretapi, 15,800 lokomotif, 428,000 gerabak barang serta 4,280 kapal sungai telah musnah".<sup>27</sup>

Biarpun berhadapan dengan kemusnahan yang teruk serta angka kematian yang tinggi, namun Soviet muncul dari Perang Dunia Kedua sebagai pemenang. Malah Soviet menolak usaha Amerika yang cuba membantu pembangunan semula Eropah melalui Rancangan

Marshall. Beberapa sebab dikenalpasti oleh Petro dan Rubinstein mengapa Moscow menolak tawaran Amerika ini.<sup>28</sup> Pertama, Soviet melihat Rancangan Marshall sebagai usaha mengintegrasikan ekonomi nasional negara-negara Eropah yang sudah tentu akan menggagalkan rancangan perindustrian Soviet sendiri. Kedua, mengizinkan peluang ekonomi secara meluas dan penerimaan unsur-unsur pro-Eropah akan menyukarkan proses Sovietisasi penuh di Eropah Timur. Ketiga, kerana rancangan ini tidak memberi apa-apa kelebihan kepada Soviet. Keempat, Soviet mempersoalkan motif Amerika iaitu bendera akan mengikuti bantuan, dengan pengaruh Amerika dan kawalan tentera yang akan turut bersamanya dan akhir sekali, penyertaan Soviet memerlukan Moscow untuk memaparkan data statistik yang akan mendedahkan kelemahan ekonominya. Oleh itu sudah tentu Moscow menolak bantuan yang dikira tidak ikhlas dari Amerika.

Di akhir Perang Dunia Kedua, Tentera Merah yang berjumlah seramai 11,365,000 telah dikurangkan kepada 2,874,000. Soviet masih mempunyai 175 division disokong oleh 25,000 kereta kebal dan 19,000 buah pesawat tempur. Persoalannya mengapa Soviet perlu mengekalkan pasukan yang sebegini besar. Semua ini perlu dikekalkan oleh Stalin demi untuk mengelakkan daripada diancam oleh musuh. Fobia Stalin tentang keselamatan Soviet terutama setelah pengalaman empayar Rusia yang telah dua kali mengalami serangan dari musuh, pertama dari Napoleon pada tahun 1812 dan kali kedua semasa Perang Dunia Kedua memaksa Moscow memberi perhatian serius kepada pertahanan. Memandangkan Soviet mempunyai sempadan yang cukup panjang, ini memerlukan Tentera Merah mengawal sempadan. Oleh itu tidak hairan misalnya sempadan Soviet dengan China, Moscow menempatkan 171 divisyen yang berhadapan dengan 44 divisyen tentera China berbanding cuma 31 divisyen sahaja yang berhadapan dengan tentera NATO di Eropah.

### Perang Dingin

Perang Dunia Kedua mengakibatkan hubungan Soviet dengan pihak Barat agak rapat dalam usaha memerangi Jerman. Moscow perlu bergantung kepada Barat memandangkan ia terpaksa berhadapan dua medan. Namun selepas Persidangan Yalta, sikap Soviet semakin keras dan membayangkan tidak bekerjasama dengan Barat. Tindakan Tentera Merah mengukuhkan kedudukan di negara-negara Eropah Timur selepas sahaja mengusir tentera Nazi menimbulkan kesangsian pihak Barat. Hal ini terutama kerana ada usaha yang ditunjukkan

oleh Soviet untuk menguasai kerajaan-kerajaan Poland, Hungaria, Jerman Timur, Bulgaria dan Rumania dengan menyokong parti-parti komunis bagi mengeksplot keadaan. Di samping itu Soviet juga turu memaksa negara-negara Eropah Timur menyerahkan wilayah-wilayah mereka kepadanya. Akibat dari peristiwa-peristiwa ini pada Mac 1946 Churchill membuat satu ucapan yang menyebut tentang 'Tabir Besi' atau *iron curtain* yang tersebar dari Baltik ke Adriatik. Reaks Amerika ialah dengan pengenalan 'doktrin Truman', Rancangan Marshall dan dasar pembendungan (*Containment Policy*). Doktrin Truman membayangkan kesediaan Amerika untuk membentuk pasukan anti-komunis di Greece dan Turki serta ini membayangkan tentang sokongan Amerika kepada bakal rakan yang memerlukan bantuan.<sup>29</sup>

Perang Dingin yang melibatkan Soviet dengan Amerika Syarikat dengan kedua-dua kuasa saling cuba mencari pengaruh di kalangan negara-negara di dunia. Soviet selaku juara kem komunis cuba menyebarkan pengaruh komunis di kalangan negara-negara di dunia. Sebaliknya Amerika Syarikat cuba untuk menghalang Soviet dari menyebarkan fahaman tersebut dan memastikan agar negara-negara di dunia menganut fahaman demokrasi. Lalu persaingan ini mencetuskan hubungan tegang di antara dua kuasa ini di seluruh dunia. Namun ini tidak pernah menyebabkan kedua-dua berperang kecuali masing-masing memberikan bantuan kepada negara-negara dunia ketiga terbabit dalam perang. Di antara perang yang pernah tercetus ialah Perang Korea, Perang Vietnam dan Indocina serta Perang di Afghanistan. Begitupun dua ciri penting perang dingin ialah berlakunya perlumbaan senjata serta persaingan mendapatkan pengaruh di negara-negara Dunia Ketiga.

### Perlumbaan Senjata

Satu kesan penting Perang Dingin ialah timbulnya perlumbaan senjata di antara Amerika dan Soviet. Perlumbaan senjata ini melibatkan senjata nuklear serta senjata konvensional. Dalam perlumbaan senjata nuklear, kedua-dua kuasa cuba mengatasi antara satu sama lain dalam pemilikan senjata. Menurut Halliday senjata ini secara sendirian tidak mempunyai kesan politik terutama jika tidak digunakan.<sup>30</sup> Namun negara menggunakan senjata nuklear membolehkan lebih lagi jika ia benar-benar *credible*.<sup>31</sup>

### Senjata Nuklear

Stalin tidak menunjukkan sebarang perubahan ketika diberitahu tentang adanya senjata baru ini oleh Truman dan Churchill ketika Persidangan Potsdam. Sebenarnya Stalin telah mengetahui tentang adanya Projek Manhattan sejak 1943 lagi. Walau bagaimanapun ada pihak yang berpendapat Stalin mengabaikan kepentingan militer bom atom. Sebaliknya Stalin menekankan kepentingan asas pasukan tentera konvensional dengan penekanan kepada faktor kekal operasi atau *permanently operating factors* yang melibatkan beberapa perkara. Antaranya ialah kestabilan di negara; moral angkatan tentera; kuantiti dan kualiti divisyen; senjata angkatan tentera dan keupayaan pemerintah. Tindakan Stalin ini mendapat kritikan dari pihak tentera yang menyedari tentang kepentingan senjata baru ini. Namun pendirian Stalin ini tidak seharusnya dipertikaikan memandangkan Soviet sememangnya mempunyai kelebihan dari segi tentera konvensional. Begitupun ini tidak bermakna Stalin menolak terus senjata nuklear kerana kemudian beliau telah mengarahkan kerja-kerja pembinaan senjata ini dipercepatkan di bawah seliaan Kurchatov yang bermula pada tahun 1943 dan akhirnya program Soviet telah berjaya pada tahun 1949.<sup>32</sup>

Amerika Syarikat yang melihat bahaya senjata baru ini cuba membentuk satu regim antarabangsa yang boleh mengawal semua lombong uranium serta kilang yang mampu mengeluarkan senjata atom melalui Rancangan Baruch.<sup>33</sup> Soviet sebaliknya melihat usaha Amerika ini sebagai cuba memonopoli senjata baru dan menafikan Moscow dari mendapatkan senjata ini lantas tidak menyokong Rancangan Baruch. Tidak hairan kerana pada tahun 1949, Soviet telah berjaya meletupkan bom atom pertama untuk mengingatkan Amerika bahawa mereka bukan kuasa tunggal yang memiliki senjata berbahaya tersebut. Dengan memiliki senjata ini, maka bermulalah satu perlumbaan senjata nuklear yang cukup sengit di antara kedua-dua Amerika dan Soviet. Persaingan ini bukan sahaja melibatkan rekaan senjata yang canggih malah turut melibatkan sistem penghantaran senjata seperti kapal terbang pengebom serta kapal selam. Persaingan antara kedua-dua kuasa dilihat oleh Kennedy semakin hebat dengan Moscow dan Washington menambahkan semakin banyak sumber dalam teknologi perang nuklear.<sup>34</sup> Oleh itu, tidak menghairankan mengapa sejak dari awal lagi bila projek ini dimulakan di Soviet ramai pihak yang berpendapat bahawa usaha ke arah menghasilkan bom atom merupakan usaha yang sia-sia yang sepatutnya digunakan bagi kegunaan yang amat memerlukan.<sup>35</sup>

Seterusnya Soviet telah mengandakan usaha dalam perlumbaan senjata nuklear ini dengan pelancaran Sputnik I pada 1957. Pelancaran Sputnik 1 bermakna Soviet telah berjaya mengatasi Amerika dari segi penggunaan teknologi roket sebagai sistem penghantaran. Menurut Freedman, 'tidak ada peristiwa yang menarik perhatian ke atas ketidakkebalan Amerika dari serangan oleh pelancaran satelit pertama dunia oleh Soviet pada tahun 1957'.<sup>36</sup> Sesungguhnya ini menyemarakkan lagi persaingan antara kedua-dua kuasa. Biarpun mencapai kemajuan yang memberangsangkan ini, namun Soviet tetap ketinggalan dalam perlumbaan ini. Ketinggalan ini menyebabkan Soviet memperuntukkan belanja pertahanan yang semakin besar setiap tahun sebagaimana yang digambarkan oleh data di bawah ini. Pada tahun 1957, Amerika membelanjakan sebanyak USD44.5 bilion berbanding USD27.6 bilion oleh Soviet. Seterusnya pada tahun 1967, Soviet telah mengatasi Amerika apabila membelanjakan sebanyak USD80.9 bilion berbanding USD75.4 bilion. Buat pertama kali Soviet telah berjaya mengatasi Amerika dari segi perbelanjaan pertahanan.

TAHUN	AMERIKA	SOVIET
1957	44.5 b	27.6 b
1967	75.4 b	80.9 b
1970	77.8 b	72.0 b

Sumber: Paul Kennedy, *The Rise and Fall of the Great Powers Economic Change and Military Conflict from 1500 to 2000*, London: Fontana Press, 1986.

Ekoran perbelanjaan yang besar ini membolehkan Soviet akhirnya menyamai Amerika apabila bilangan senjata nuklear yang dihasilkan mencecah ke angka 2,000 pada tahun 1972. Biarpun Soviet mampu untuk menghambat Amerika dalam perlumbaan ini, namun satu hakikat yang tidak boleh ditolak ialah betapa Soviet ketinggalan berbanding dengan Amerika. Terdapat beberapa penjelasan tentang hal ini. Pertama, menurut Kennedy, dalam aspek komputer, Soviet masih ketinggalan 8-12 tahun di belakang Amerika. Oleh kerana komputer merupakan aspek yang penting dalam teknologi senjata, ketinggalan ini sudah tentu menakutkan Soviet. Kedua, biarpun Soviet mampu menyaangi Amerika dalam pengeluaran senjata nuklear, namun dari segi ketepatan senjata yang dihasilkan misalnya masih belum mampu menandingi Amerika. Menyedari kelemahan ini, Stalin menekankan betapa perlu mereka mengatasi Amerika dari segi kuantiti.

Begitupun satu perkara yang ketara dalam konteks persaingan kedua-dua kuasa ini ialah apabila mereka bersetuju untuk berunding bagi mengawal senjata nuklear yang dimiliki. Hasilnya ialah perundingan yang membawa kepada tercapainya *Strategic Arms Limitation Talk* (SALT) pada tahun 1972 di Moscow. Persoalannya mengapa Soviet bersetuju untuk merundingkan perkara ini? Menurut Lieber beberapa peristiwa yang langsung membawa kepada kesedaran ini.<sup>37</sup> Pertama ialah ekoran Krisis Cuba pada Oktober 1962. Kedua ialah pada tahun 1963, kedua-dua Amerika dan Soviet telah menandatangani 'Persetujuan Hotline' yang membentuk hubungan terus bagi komunikasi di antara pemimpin kedua belah pihak ketika berlaku kecemasan. Ketiga pada tahun yang sama Perjanjian Mengharamkan Ujian, sama ada di udara dan angkasa lepas yang ditandatangani oleh 116 buah negara. Namun apa yang lebih membanggakan Soviet ialah SALT membuktikan bahawa Amerika telah menerima bahawa Soviet berada pada tahap yang sama dengan mereka. Dengan lain perkataan, Soviet kini mencapai status adikuasa. Oleh itu dalam perundingan SALT, Amerika tidak lagi dapat mengarah Soviet secara sembarangan malah terpaksa melakukan tawar menawar bagi membuat pengurangan dalam senjata nuklear. Kejayaan yang dicapai dalam SALT merintis kepada SALT II (yang tidak diratifikasi oleh Senat Amerika) dan *Strategic Arms Talk* (START) pada 1980an.

### Tumpuan Kepada Negara-negara Dunia Ketiga

Selepas kemunculan Soviet sebagai negara sosialis pertama di dunia, memang menjadi impian Moscow ini akan diikuti oleh revolusi di negara-negara kapitalis yang bangkit mencabar status-quo dan berakhir dengan pekerja membentuk negara sosialis. Oleh itu sebelum Perang Dunia Kedua, Soviet banyak membantu parti-parti komunis di seluruh dunia dari segi moral dan bantuan kewangan misalnya di Indonesia (melalui Hendrick Sneevliet), India (M.N Roy) dan Indocina (Ho Chi Minh).<sup>38</sup>

Tamatnya Perang Dunia Kedua menyaksikan pembabitan Soviet di negara-negara Dunia Ketiga. Dalam persaingan dengan Amerika ketika ini, Soviet berpeluang memperluaskan pengaruhnya dengan membantu negara-negara Dunia Ketiga yang baru membebaskan diri dari kolonialisme dan imperialism Barat. Soviet mendekati negara-negara yang bermasalah dengan pihak Barat. Oleh itu, peluang Soviet terbuka di China (selepas Revolusi 1949), Vietnam (sewaktu Perang Indocina) dan Mesir (Gamal Abdul Nasser). Pada tahun 1970-an

Soviet terlibat di Afghanistan, Somalia, Ethiopia, Mozambique dan Angola. Dalam usaha menarik negara-negara ini berada di dalam lingkungan pengaruh Soviet, Moscow menawarkan bantuan senjata dan ekonomi yang bukan sedikit bagi memastikan negara-negara ini tetap berada dalam lingkungan pengaruh komunis.

Namun penglibatan Moscow di dua buah negara yang ternyata memberi kesan yang mendalam iaitu di Cambodia (1979-1989) dan di Afghanistan (1979-1988). Vietnam merupakan sekutu rapat Soviet bagi menghadapi China di Asia Timur. Sebelum pencerobohan ke atas Cambodia, kedua-dua telah menandatangani Perjanjian Persahabatan yang membolehkan Moscow menggunakan pelabuhan tentera laut Cam Ranh serta pengkalan udara Danang di Vietnam sebagai balasan bantuan militer Soviet pada Vietnam. Oleh itu pencerobohan dan pendudukan tentera Vietnam ke atas Cambodia telah mendapat sokongan dan bantuan Soviet meskipun ia tanpa pembabitan tentera Soviet. Sebagai reaksi ialah pemulauan Vietnam oleh masyarakat dunia. Bagi memastikan regim Heng Samrin mengekalkan status-quo, tentera Vietnam seramai 100,000 orang terpaksa dikekalkan di Cambodia dan ini melibatkan perbelanjaan sebanyak US\$1 juta sehari yang dibiayai oleh Soviet. Biarpun tidak terlibat secara langsung namun ternyata pengaruh Soviet yang membolehkan sengketa ini ditamatkan pada lewat 1980-an.

Penglibatan Moscow di Afghanistan pada tahun 1979 kerana Afghanistan berada pada kedudukan yang strategik. Soviet cukup berminat untuk memastikan Afghanistan berada di bawah pengaruh Moscow kerana pergerakan Amerika di Pakistan dan Lautan Hindi dapat diperhatikan oleh Soviet.<sup>39</sup> Oleh itu tidak menghairankan apabila Moscow terlibat dalam menegakkan regim Babrak Karmal yang pro-Moscow dalam satu rampasan kuasa pada 27 Disember 1979. Selama lebih sembilan tahun Soviet terlibat dalam perang yang cukup ganas bagi menghapuskan Mujahideen Afghan. Moscow mendapat tentangan yang cukup hebat dari Mujahideen yang dibantu oleh Amerika mengakibatkan korban tentera Soviet juga cukup besar iaitu seramai 16,000 orang. Pendudukan tentera Soviet di Afghanistan mendapat reaksi daripada Amerika dan sekutu-sekutunya. Pertama, Sukan Olimpik yang diadakan di Moscow pada tahun 1980 telah diboikot oleh Amerika dan sebilangan negara demokrasi di dunia. Kedua, SALT II yang telah dirundingkan sejak 1973-1979 telah ditarik balik oleh Carter kerana mengetahui akan ditolak oleh Senat. Ketiga, Soviet menghadapi sekatan ekonomi yang telah dikenakan oleh

Dalam usaha memastikan regim pro-Soviet kekal di Kabul, Moscow membelanjakan kos yang besar bagi membiayai seramai 110,000 askar Soviet di Afghanistan.<sup>40</sup> Dengan lain perkataan, bagi memastikan regim yang ada tetap pro-Moscow, Soviet terpaksa membiayai regim tersebut. Minat Soviet terhadap Afghanistan telah menyebabkan Moscow menjalin hubungan dengan Kabul sejak 1950-an lagi. Menurut Tahir-Kheli,

"Afghanistan merupakan negara yang mendapat bantuan militer serta ekonomi yang banyak dari Soviet. Dari tahun 1955 hingga 1980, bantuan ketenteraan yang diterima oleh Kabul melebihi USD 600 juta dan dikatakan 95 peratus dari peralatan tentera Afghanistan adalah dari Soviet. Di samping itu juga bantuan ekonomi merupakan komponen yang penting dalam hubungan kedua-dua negara. Di antara 1954-1975 bantuan Moscow kepada Kabul ialah sebanyak USD 1.263 bilion menjadikan Afghanistan salah satu negara penerima yang banyak menerima bantuan daripada Soviet".<sup>41</sup>

Ini bermakna minat Soviet terhadap Afghanistan bukannya bermula pada tahun 1970-an tetapi telah ada sejak 1950-an lagi. Begitupun apa yang mengejutkan selain daripada Soviet, Amerika turut juga memberi bantuan ekonomi kepada Afghanistan iaitu sebanyak USD 500 juta tetapi dengan pendudukan tentera Soviet bantuan tersebut telah dihentikan. Dengan ini pendudukan tentera Soviet di Afghanistan merupakan satu gambaran bagaimana pentingnya Afghanistan dari segi strategi sehingga Moscow terpaksa menggunakan bantuan militer dan ekonomi sejak 1950-an lagi untuk memastikan Kabul tetap berada di bawah lingkungan pengaruh Soviet. Ringkasnya penglibatan di Cambodia dan Afghanistan membebankan ekonomi Soviet kerana regim yang dipertahankan cukup lemah dan memerlukan bantuan yang berpanjangan dari Moscow.

### Sistem Ekonomi Soviet

Persoalannya bagaimana mungkin sebuah adikuasa yang mampu menakluki angkasa dan membina kekuatan senjata nuklear tidak mampu menyediakan makanan kepada rakyat serta mengadakan kemudahan asas yang diperlukan dalam kehidupan moden? Untuk melihat pertentangan ini perlu terlebih dahulu ditinjau dari segi konteks sejarah.

Sejak 1930-an Soviet mengamalkan ekonomi arahan pusat. Sistem ini berbeza dengan amalan biasa ekonomi Barat dengan menghapuskan pemilikan individu dari kelas sosial dan pemilikan serta kekayaan diserahkan kepada negara. Pada tahun 1928, Stalin telah menghapuskan Dasar Ekonomi Baru (diperkenalkan oleh Lenin pada tahun 1921) yang cuba mengiktiraf keperluan negara dan sektor swasta untuk saling wujud.<sup>42</sup> DEB telah digantikan dengan satu sistem yang membolehkan negara memonopoli segala kegiatan ekonomi di Soviet. Akibat dari pengenalan sistem baru ini iaitu ladang kolektif yang memperlihatkan ramai dari individu petani telah dihantar bekerja secara paksa. Tambahan lagi, dalam tempoh lima tahun dari 1928 hingga 1932 membolehkan pertumbuhan ekstensif ekonomi berlaku.<sup>43</sup> Hasilnya ialah sektor pertanian dan penggunaan telah dapat menghasilkan modal yang dapat disalurkan kepada industri berat. Menurut Rutland lagi, sumber dicurahkan bagi memastikan tingkat pengeluaran yang tinggi dalam industri berat dan industri pertahanan manakala pelaburan dalam infra-struktur sosial dan ekonomi diabaikan.

Dalam hal ini Schawtz menekankan bagaimana aktiviti industri pertahanan yang intensif meletakkan permintaan yang tinggi atas gunatenaga saintifik dan teknologi.<sup>44</sup> Ia mengakibatkan tumpuan kepada tenaga inovatif jurutera, saintis dan pengurus kepada semata-mata militer berbanding pengeluaran sivil. Lebih signifikan lagi tambah Schawtz industri pertahanan menerima tenaga yang paling berpengalaman yang ada beserta keutamaan bagi sumber-sumber mentah yang ada.

Dalam Soviet memberi keutamaan kepada usaha memperkuatkan imej selaku kuasa besar, ia lupa memberi tumpuan kepada usaha menyediakan makanan yang mencukupi kepada penduduk Soviet. Sebenarnya Khrushchev pernah menyedari tentang hal ini dan cuba mengurangkan perbelanjaan kepada tentera namun tindakan ini mendapat tentangan pihak tentera Soviet. Soviet yang pernah menjadi negara pengeksport makanan seperti gandum kini terpaksa mengimport bahan makanan dari luar. Ini diburukkan lagi apabila setiap tahun Soviet kehilangan 20 peratus hasil pertanian disebabkan cuaca yang buruk dan kelemahan sistem pembahagian.

Kawato misalnya menyenaraikan beberapa halangan yang dihadapi oleh ekonomi Soviet iaitu kekurangan modal, elektrik dan tenaga buruh. Ini diburukkan lagi oleh jalinan perhubungan dan komunikasi yang buruk. Tambah memburukkan lagi keadaan apabila tradisi sains yang cukup dibanggakan oleh Soviet tidak dapat dimanfaatkan untuk pengeluaran sivil. Dan separuh dari kilang-kilang

berhadapan dengan mesin yang sudah usang sehingga dua puluh tahun berbanding Barat.<sup>45</sup> Ringkasnya keghairahan untuk mengekalkan status-quo menyebabkan Soviet memberi tumpuan yang keterlaluan kepada program persenjataan serta campurtangan di negara dunia ketiga sehingga mengabaikan rakyat Soviet sendiri. Akibatnya ialah rakyat Soviet terabai dan taraf hidup penduduk merosot pada tahun 1980an dan 1990an sehingga kedudukan Soviet telah diatasi oleh Jepun serta negara-negara Eropah yang lain.

### Nasionalisme Di Republik

Soviet terdiri daripada lima belas buah republik iaitu Azerbaijan, Armenia, Belarus, Estonia, Georgia, Kazakhstan, Kyrgyzstan, Latvia, Lithuania, Moldova, Rusia, Tajikistan, Turkmenistan, Ukraine dan Uzbekistan. Pada 1970, Soviet mempunyai lebih 250 juta penduduk yang terdiri dari berbagai etnik antaranya Rusia (50.78 peratus), Ukrainian (15.45 peratus), Jerman, Latvia, Lithuania, Tajiiks, Azeri, Armenia, Georgian, Estonia dan ramai lagi etnik kecil yang lain. Terdapat lebih 150 pelbagai etnik di Rusia.<sup>46</sup>

Pembentukan Soviet hasil daripada Revolusi Rusia pada tahun 1917 yang telah menjatuhkan Kerajaan Peralihan yang telah dibentuk selepas Czar dipaksa turun takhta. Soviet diperkuuhkan lagi dengan kemenangan yang telah dicapai Tentera Merah dalam Perang Saudara pada tahun 1918-1920.<sup>47</sup> Sempadan Soviet berubah mengikut masa namun menjelang 1945, ia menyamai keluasan Imperial Rusia dengan tidak memasukkan Finland dan Poland. Saiz ini kekal sejak 1945 sehingga perpecahan Soviet.

Pihak Bolshevik telah mewarisi empayar multinasional yang telah dibentuk oleh dasar perluasan Czar selama empat abad. Setengah kumpulan etnik menjadi sebahagian empayar secara sukarela dan ada yang melalui paksaan. Namun yang jelas, etnik Rusia dan kumpulan bukan Rusia tidak mempunyai persamaan daripada segi kebudayaan, agama mahupun bahasa. Hal ini diburukkan lagi apabila terdapat lebih daripada dua kumpulan yang diletakkan di satu-satu wilayah. Oleh itu pertentangan timbul sepanjang masa bukan sahaja terhadap Rusia bahkan kepada kumpulan lain.

Selama lebih tujuh puluh tahun, pemimpin Soviet telah berjaya mengelakkan pertentangan yang berlaku di antara kumpulan-kumpulan nasionaliti ini. Bahawa Soviet terdiri daripada satu keluarga pelbagai bangsa yang hidup bersama secara harmoni. Namun Kesatuan Soviet tidak mampu bertahan lebih lama kerana dari segi realiti pemerintahan Komunis telah gagal menafikan perbezaan

nasional serta etnik dan bahawa kebudayaan dan agama tradisional akan muncul. Hal ini berpunca daripada konsesi yang telah diberikan kepada kebudayaan nasional dan autonomi terhad yang dibenarkan dalam republik kesatuan dalam tahun 1920-an yang telah membawa kepada terbentuknya elit kebangsaan dan meningkatnya perasaan identiti nasional. Penindasan berterusan dan proses Rusifikasi mengukuhkan perasaan benci terhadap dominasi oleh Moscow dan telah membentuk pertumbuhan kesedaran kebangsaan. Hal ini diburukkan lagi dalam negara multinasional dengan bertambahnya persaingan bagi sumber, perkhidmatan dan jawatan. Namun bagi Tuminez melihat bahawa nasionalisme dan tekanan etnik sebagai faktor yang membantu dan menyegerakan sahaja dan bukan faktor terpenting membawa kepada perpecahan Soviet.<sup>48</sup>

Republik-republik Baltik merupakan contoh yang baik dalam melihat isu ini. Dari segi sejarah, negara-negara Baltik telah dipaksa menyertai Soviet selepas selama dua dekad menikmati kemerdekaan. Oleh itu sejak kematian Stalin sehingga era Gorbachev kekacauan dan tentangan nasionalis sering menghantui pihak berkuasa Komunis. Buat pertama kali rakyat Baltik menyatakan pandangan mereka sewaktu era Gorbachev dan hal ini telah menyebabkan golongan intelektual memberanikan diri menyuarakan reformasi. Ini telah membawa kepada kekalahan Parti Komunis Lithuania kepada Sajudis, sebuah pergerakan kemerdekaan yang anti komunis dan Soviet, dalam satu pilihanraya memilih perwakilan ke Moscow pada tahun 1989. Sajudis seterusnya mendesak agar Protokol Rahsia Pakatan Nazi-Soviet 1939 dikaji semula. Dengan cara ini mereka merasakan bahawa penyertaan Lithuania ke dalam Soviet dibuat secara tidak sah dan kemerdekaan dikembalikan.

Manakala ketidakpuasan hati penduduk Estonia dan Latvia berkait dengan isu alam sekitar, kebudayaan dan hak asasi manusia, tindakan Rusifikasi penduduk dan Protokol Rahsia. Desakan negara Baltik ini menyebabkan Gorbachev telah menubuahkan satu badan untuk menyiasat dan ini diikuti oleh demonstrasi anti-Soviet. Meskipun didesak oleh Tentera Merah agar membenarkan mereka bertindak di Negara-negara Baltik namun dihalang oleh Gorbachev. Menjelang 1991, Latvia, Lithuania dan Estonia telah bebas dari Soviet.

Pada tahun 1991, Georgia juga turut merdeka daripada Soviet. Sentimen nasionalisme Georgia sangat ketara kerana mereka telah dipaksa menyertai Soviet pada tahun 1920-an. Demonstrasi terhadap penduduk Abkhazia dan Azeri yang tinggal di Georgia yang dianggap telah menganiayai penduduk Georgia. Demonstrasi diadakan di Tbilisi pada Februari 1989 seterusnya untuk memperingati serangan

Soviet ke atas Georgia. Apabila nasionalis Abkhazia meminta agar mereka dipisahkan daripada Georgia, ini telah mendesak tindakan ganas dengan demonstrasi mendesak Abkhazia kekal dalam Georgia serta Georgia merdeka daripada Soviet. Nagorno-Karabakh pula mencetuskan sentimen nasionalisme Armenia. Hal ini kerana wilayah yang didiami majoriti penduduk berbangsa Armenia berada dalam Azerbaijan. Desakan agar wilayah ini dikembalikan kepada Armenia tidak mendapat sambutan positif Gorbachev dan telah mencetuskan keganasan. Pada Ogos 1990, Parlimen Armenia telah mengisyiharkan republik merdeka daripada Soviet dan seterusnya satu konflik dengan Azerbaijan berakhir dengan kembalinya Nagorno-Karabakh kepada Armenia. Anehnya semua perkembangan yang berlaku tidak dapat dikawal oleh Gorbachev dengan baik. Malah Gorbachev dilihat tidak mahu menggunakan kekerasan bagi menghancurkan tentangan di republik-republik ini meskipun didesak oleh pihak Tentera Merah. Lebih pelik apabila Yeltsin sendiri telah menyokong tindakan pemisahan oleh republik-republik yang tidak mahu lagi bersama Soviet.

### Peranan Gorbachev

Gorbachev merupakan pemimpin Soviet ketika empayar diambah pergolakan. Beliau menggantikan Andropov dan Chernenko, dua pemimpin Soviet yang telah meninggal dunia kerana usia yang lanjut dan cukup singkat pemerintahan mereka. Gorbachev dilihat sebagai pemimpin yang bertanggungjawab menyebabkan perpecahan empayar Soviet ekoran pelaksanaan dasar *glasnost* (keterbukaan) dan *perestroika* (penstruktur semula). Malah Gorbachev juga disabitkan dengan perubahan yang diperkenalkan yang melonggarkan kawalan ke atas rakyat Soviet. Persoalannya mengapa Gorbachev bertindak demikian? Hal ini disebabkan kerana keadaan ekonomi dan sosial Soviet yang teruk. Sistem ekonomi arahan pusat yang diamalkan tidak dapat merangsang ekonomi Soviet sebagaimana negara-negara kapitalis Barat. Sesuatu perlu dilakukan bagi memulihkan keadaan ekonomi yang KDNKnya sudahpun negatif. Seperti pemimpin Soviet yang lain, Gorbachev percaya bahawa Soviet memerlukan perubahan yang radikal. Malah beliau mahu mengejar ekonomi maju negara-negara kapitalis. Gorbachev mahu membuktikan bahawa sosialisme boleh sesuai, inovatif dan seproduktif kapitalisme. Lebih serius lagi apabila Gorbachev mendapati bahawa Soviet memperuntukkan belanja yang cukup besar kepada pertahanan iaitu di antara 25-40 peratus KDNK Soviet.<sup>49</sup>

Perestroika masih lagi percaya kepada sosialisme daripada mengubah secara radikal ekonomi Soviet. Antara yang ditekankan oleh Gorbachev ialah insentif kepada mereka yang berbakat terutama dari segi saintifik dan teknikal dengan menaikkan gaji mereka sebanyak lima puluh peratus dan seterusnya gaji disesuaikan berdasarkan kualiti kerja.

Percaya kepada perancangan pusat, Gorbachev mahu meningkatkan kecekapan pengurusan perancangan pusat. Dalam usaha menjadikan perancangan ekonomi efisyen dan cekap, agensi baru ditubuhkan dalam menguruskan pembangunan. Pada Oktober 1985, Gorbachev telah menerbitkan rancangannya untuk meningkatkan lagi pengeluaran barang pengguna dan meningkatkan lagi perkhidmatan. Rancangan ini dijangkakan akan melihat peningkatan sebanyak tiga puluh peratus menjelang 1990 dan lapan puluh hingga sembilan puluh peratus menjelang tahun 2000.

Gorbachev percaya dalam usaha memajukan ekonomi Soviet memerlukan penyertaan rakyat dan moral yang tinggi dalam kalangan tenaga kerja Soviet, lebih kebebasan dan keterbukaan-glasnost. Beliau menyamakan ekonomi sebagai kediaman keluarga dan demokrasi sebagai pemilik kediaman. "Rumah, katanya, boleh diwujudkan dengan baik sekiranya seseorang merasa bahawa dia pemiliknya". Malah beliau turut bercakap tentang sikap yang diperlukan dalam menjadikan ekonomi berjaya. Gorbachev ternyata amat kritikal terhadap rasuah.

Sebagai tanda kepada keterbukaan, Gorbachev telah membebaskan banduan politik termasuk seorang ahli fizik Soviet yang terkenal dan *vocal* iaitu Andrei Sakharov (bapa hydrogen Soviet). Keterbukaan Gorbachev malah turut melibatkan akhbar dan telivisyen, sesuatu yang tidak difikirkan sebelum ini.

Malah teknologi maklumat telah memudahkan hubungan dengan dunia luar pada lewat 1980-an dan awal 1990-an. Semasa era Stalin, masyarakat Soviet telah diasingkan terus daripada Barat. Pendedahan dengan Barat bertambah semasa zaman Khruhchev dan bertambah lagi sewaktu Brezhnev, dengan regim kelihatan longgar dalam aspek kawalan. Walaupun pertukaran kebudayaan, saintifik dan pendidikan hanya meninggalkan impak ke atas segolongan kecil penduduk Soviet, pertukaran ini secara perlahan melembutkan pemerintahan Komunis, dengan mendedahkan kepada rakyat bahwa golongan elit sedang menyekat Soviet kepada dunia luar. Menurut Kramer, sejak 1985 dengan kemunculan Gorbachev, hubungan dengan dunia Barat semakin bertambah sehingga ia bukan

sahaja membabitkan pegawai tinggi kerajaan malah melibatkan rakyat biasa.<sup>50</sup> Sudah tentu dalam masyarakat yang selama ini tertutup dan terasing ini, apa yang diberitahu kepada mereka adalah palsu sama sekali. Hal ini kerana selama ini media Soviet mendakwa bahawa Soviet merupakan negara yang berada di hadapan dalam soal kemajuan. Kini mereka sedar bahawa sebenarnya Soviet jauh tertinggal di belakang berbanding Barat.

Tambah Kramer, "lebih teruk lagi mereka juga mendapati maklumat berhubung masalah sosial di Soviet termasuk alkoholisme, jenayah remaja, kemerosotan indeks kesihatan, penyakit spiritual, kemiskinan, perasaan tidak puas hati belia dan juga berkaitan bencana dan kemalangan.<sup>51</sup> Misalnya kerajaan dikatakan membelanjakan sebanyak 100 bilion ruble hanya untuk kempen anti-alkohol.<sup>52</sup> Tuminez malah menekankan dasar glasnost dan perestroika Gorbachev dengan menghapuskan kebimbangan dan penindasan di Soviet, mempercepatkan pertumbuhan nasionalisme etnik dalam kalangan unit empayar. Kadar dan intensiti nasionalisme etnik semasa Gorbachev sampai kepada satu tahap yang tidak pernah dijangkakan.<sup>53</sup> Perkara ini cukup ketara dalam kes yang melibatkan republik-republik Baltik, Armenia, Georgia dan Moldova. Petro dan Rubinstein memberikan komen yang sangat menarik mengenai Gorbachev:

"Russian society responded to Gorbachev's liberalization by organizing itself politically. Increasing social tensions and frustration with Gorbachev's policies (within the communist party, he was accused of going too fast, within the populace for going too slowly) made domestic constraints on Soviet foreign policy loom larger than ever before. Popular reluctance to send troops to quell unrest in the republics of the Soviet Union severely hampered Gorbachev's effort to exert pressure on the Baltic States and on Georgia to prevent them from seceding".<sup>54</sup>

### Kesimpulan

Soviet merupakan sebuah adikuasa yang muncul selepas tamatnya Perang Dunia Kedua. Fobia Soviet kepada keselamatan mengakibatkan ia bertindak meminggirkan diri dari pihak Barat yang dilihat sebagai boleh mengugat kelangsungan sebagai sebuah negara sosialis. Oleh itu, Soviet membentuk negara-negara satelit di Eropah Timur. Ia tidak berhenti di situ kerana selepas sahaja wujud persaingan dengan Amerika dalam bentuk Perang Dingin, Soviet juga turut meluaskan sayapnya ke seluruh pelusuk dunia. Apa yang

dilakukan oleh Soviet ialah dengan membentuk regim komunis, membantu negara yang berselisih dengan pihak Barat dan menyokong gerakan nasionalisme menentang kolonialisme Barat. Bantuan diberikan dalam bentuk peralatan militer dan ekonomi (minyak dan wang). Penglibatan Soviet termasuk di China (1949), Korea (1950-wang), Vietnam (1954-1975), Afghanistan (1979-1988), Angola (1975-53), Mozambique (1975-1990), Mesir (1954) dan banyak lagi merupakan pembaziran yang telah dilakukan semata-mata muhup merupakaan pembaziran yang telah dilakukan semata-mata muhup memperlihatkan keunggulannya. Penglibatan yang berbentuk global ini sudah tentu memerlukan wang yang bukan sedikit sedangkan Soviet bukan sebuah kuasa ekonomi. Namun semua ini dilakukan demi memastikan ideologi komunis muncul sebagai pemenang dalam saingan dengan pihak kapitalis Barat. Benar, bantuan yang diberikan bukan percuma, namun memandangkan sebahagian besar negara-negara yang didekati oleh Soviet bukan merupakan negara kaya maka bentuk hubungan yang sebegini merugikan Soviet dalam jangka panjang.

Lebih parah lagi apabila Soviet dalam usaha menunjukkan kelebihan dengan Amerika terperangkap dalam perlumbaan senjata nuklear. Persaingan ini ternyata tidak seimbang memandangkan teknologi Soviet jauh tertinggal berbanding dengan Amerika dan sekutunya. Perlumbaan senjata ini benar-benar memerah ekonomi Soviet dan hasilnya Soviet terpaksa mengaku kalah dalam perlumbaan apabila Amerika dan Ronald Reagan merancang Rancangan *Starwars*, satu sistem pertahanan angkasa lepas yang akan membentuk perisai yang akan menangkis serangan peluru berpandu Soviet. Ini bermakna senjata nuklear Soviet sudah tidak bermakna lagi. Kemunculan Gorbachev pada tahun 1985 yang menyedari masalah besar yang dihadapi, cuba membaiki keadaan melalui perestroika dan glasnot, tetapi gagal. Pembaharuan Gorbachev telah menyebabkan masyarakat Soviet yang selama ini dicengkam oleh sistem komunis yang keras merasa kebebasan yang tidak pernah dirasai sebelum ini. Dengan lain perkataan pembaharuan yang diperkenalkan Gorbachev memakan dirinya sendiri apabila pada tahun 1991 beliau telah digulingkan dalam dalam satu rampasan kuasa yang menyaksikan kemunculan Yeltsin mengambil alih tumpuk pemerintahan bekas Soviet. Penyingkiran Gorbachev bermakna Kesatuan Soviet yang berteraskan sosialisme mula lenyap dari peta politik dunia menjelang November 1991. Tidak dapat dinafikan bahawa yang cukup digeruni sewaktu era Perang Dingin.

**Nota**

- <sup>1</sup> Paul Kennedy, *The Rise and Fall of the Great Powers Economic Change and Military Conflict from 1500 to 2000*, London: Fontana Press, 1986.
- <sup>2</sup> K.J Holsti, 1995, *International Politics: A Framework for Analysis*, Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall, hlm. 39.
- <sup>3</sup> Graham Evans dan Jeffrey Newnham, 1998, *The Penguin Dictionary of International Relations*, London: Penguin, 1998, hlm. 522.
- <sup>4</sup> Conway W. Henderson, *International Relations. Conflict and Cooperations At the Turn of the 21<sup>st</sup> Century*, Boston: McGraw-Hill, 1998, hlm. 95.
- <sup>5</sup> Dean A. Minix., dan Hawley, Sandra M, *Global Politics*. Belmont, CA: West Wadsworth, 1998, hlm. 71.
- <sup>6</sup> James Dougherty & Robert Pfaltzgraff, Jr, *Contending Theories of International Relations, A Comprehensive Survey*, 2<sup>nd</sup> Ed., New York: Harper & Row Publishers, hlm. 56-57.
- <sup>7</sup> Amerika Syarikat, Britain dan Soviet merupakan sekutu sewaktu PDII dalam menghadapi pihak Axis yang diketuai Jerman. Malah ketiga-tiga kuasa telah terlibat dalam persidangan Yalta (4- 11 Februari 1945) dan Potsdam(16- Julai – 2 Ogos 1945) bagi membincangkan antara lain perancangan selepas perang yang melibatkan masadepan Jerman, bayaran ganti rugi, pilihanraya bebas di negara-negara Eropah Timur dan sempadan. Kejayaan ke atas Jerman menyebabkan Britain dan Soviet kemudian telah cuba membentuk kawasan pengaruh. Churchill telah mencadangkan kepada Stalin pembahagian Eropah Timur dan Balkan dengan kedua-dua pihak akan mempunyai peratus kawalan ke atas negara-negara ini. Idea ini ternyata tidak menjadi kenyataan kerana pihak Britain yang kekeringan sumber kemudian telah menyerahkan peranannya di Eropah kepada Amerika Syarikat, satu-satunya kuasa yang masih kuat untuk menghadapi pengaruh Soviet yang semakin berkembang di Eropah dan dunia. Lihat Spencer M Discala, *Twentieth Century Europe: Politics, Society and Culture*, Boston: McGraw-Hill, 2004, hlm. 464. Juga Robert J. McMohan, *The Cold War. A Short History*, Oxford: Oxford University Press, 2003.
- <sup>8</sup> Soviet merupakan entiti politik yang muncul selepas Perang Saudara 1918-1921. Terdiri daripada empat buah entiti iaitu Rusia, Byelorusia, Ukraine dan Transcaucasia. Selepas Perang Dunia Kedua munculnya entiti Kesatuan Republik Sosialis Soviet yang terdiri daripada 15 buah republik.
- <sup>9</sup> Jospeh L. Nogee & R Judson Mitchell, *Russian Politics: The Struggle for a New Order*, New York: Longman, 1996, hlm. 21.
- <sup>10</sup> D. Mackenzie, dan Michael W Curran, *Russia and the USSR in the Twentieth Century*, 3<sup>rd</sup> Edition. Belmont, CA: Wadsworth Publishing Co, 1997, hlm. 18.
- <sup>11</sup> Morton Schwartz, *The Foreign Policy of the USSR: Domestic Factors*, Encino, CA: Dickenson Publishing Co, 1975, hlm. 20.

- <sup>12</sup> Ibid.
- <sup>13</sup> David Holloway, *The Soviet Union and The Arms Race*, New Haven: Yale University Press, 1986.
- <sup>14</sup> George Kennan, *American Diplomacy 1900-1950*, New York: Mentor, 1951, hlm. 87-88.
- <sup>15</sup> A.J.R Groom, dan Margot Light, *Contemporary International Relations: A Guide to Theory*, London: Pinter Publishers Ltd., 1994, hlm. 142.
- <sup>16</sup> Ibid.
- <sup>17</sup> Vladimir Lenin, *Imperialism, The Highest Stage of Capitalism*, Moscow: Progress Publishers, 1986.
- <sup>18</sup> Joseph L. Nogee, & Robert H. Donaldson, *Soviet Foreign Policy Since World War II*, 2<sup>nd</sup> Edition, New York: Pergamon, 1984, hlm. 18.
- <sup>19</sup> Ibid., hlm. 21
- <sup>20</sup> Ken Booth, "Soviet Defence Policy" dalam John Baylis et. al. *Contemporary Strategy II*, New York: Holmes & Meier, 1987, hlm 59-60.
- <sup>21</sup> Nogee & Donaldson, *Soviet Foreign Policy*, hlm. 22.
- <sup>22</sup> Holloway, *The Soviet Union*, hlm. 84.
- <sup>23</sup> Ibid., hlm. 82.
- <sup>24</sup> George Kennan, *American Diplomacy*, hlm 89.
- <sup>25</sup> Robert J. Lieber, *No Common Power, Understanding International Relations*, New York: Harper Collins, 1995, hlm. 21.
- <sup>26</sup> Ibid.
- <sup>27</sup> Paul Kennedy, *The Rise and Fall*, hlm. 494.
- <sup>28</sup> Nikolai N. Petro & Alvin Z. Rubinstein, *Russian Foreign Policy From Empire to Nationalism*, New York: Longman, hlm. 56-57.
- <sup>29</sup> Fred Halliday, *The Making of The Second Cold War*, London: Verso, 1989, hlm. 3.
- <sup>30</sup> Ibid.
- <sup>31</sup> Holloway, *The Soviet Union*, hlm.67.
- <sup>32</sup> Ibid.
- <sup>33</sup> Nogee & Donaldson, *Soviet Foreign Policy*, hlm. 79.
- <sup>34</sup> Paul Kennedy, *The Rise and Fall*, hlm. 501.
- <sup>35</sup> Holloway, *The Soviet Union*, hlm. 18.
- <sup>36</sup> Lawrence Freedman, *The Evolution of Nuclear Strategy*, 2<sup>nd</sup> Edition, London: Macmillan, 1989, hlm. 139.
- <sup>37</sup> Lieber, *No Common Power*, hlm. 126.
- <sup>38</sup> Hugh Seton-Watson, *From Lenin to Khrushchev: The History of World Communism*, New York: Praeger, 1967, hlm. 182-183.
- <sup>39</sup> Shirin Tahir-Kheli, *The Soviet Union in Afghanistan: Benefits and Costs*, Carlisle, PA: Strategic Studies Institute, 1981, hlm. 219-220.
- <sup>40</sup> Petro & Rubinstein, *Russian Foreign Policy*, hlm. 246.
- <sup>41</sup> Tahir-Kheli, *The Soviet Union in Afghanistan*, hlm. 219-220.
- <sup>42</sup> Peter Rutland, "The Economy: The Rocky Road from Plan to Market" dalam White, Stephen. et.al, *Developments in Russian and Post-Soviet Politics*, London: Macmillan, 1994, hlm. 132.

- <sup>43</sup> Ibid., hlm. 133.
- <sup>44</sup> Morton Schawtz, *The Foreign Policy of the USSR: Domestic Factors*, Encino, CA: Dickenson Publishing Co., 1975, hlm. 28.
- <sup>45</sup> Akio Kawato, 'The Soviet Union: A Player in the World Economy' dalam Hasegawa, Tsunoshi & Pravda, Alex. (Eds) *Perestroika: Soviet Domestic and Foreign Policies*. London: Sage Publications 1990, hlm. 124-125.
- <sup>46</sup> Zulkarnain Abdul Rahman, *Tamadun Rusia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka, 2002, hlm. 69.
- <sup>47</sup> Qasim Ahmad, *Eropah Modern. Arus Sosio-Politik dan Pemerintahan*, Edisi Kedua, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Putaka, 1997, hlm. 166-167.
- <sup>48</sup> Astrid Tuminez, "Nationalism, Ethnic Pressures, and the Breakup of the USSR," *Journal of Cold War Studies* V, No. 2, Winter, 2003, hlm. 82.
- <sup>49</sup> Geir Lundestad, "Imperial Overstretch, Mikhail Gorbachev, and the End of The Cold War" *Cold War History*, Vol. 1, No.1, Ogos, 2000, hlm. 5.
- <sup>50</sup> Mark Kramer, "The Collapse of the East European Communism and the Repercussions Within the Soviet Union", *Journal of Cold War Studies*, Vol. 6, Issue 4, Fall, 2003, hlm. 12.
- <sup>51</sup> Ibid.
- <sup>52</sup> Vladislav Zubok, "Gorbachev and The End of Cold War: Perspectives on History and Personality", *Cold War History*, vol. 2, issue 2, 2002, hlm. 65.
- <sup>53</sup> Tuminez, "Nationalism, Ethnic Pressure", hlm. 104.
- <sup>54</sup> Petro & Rubinstein, *Russian Foreign Policy*, hlm. 10.